

**Agong Terima Zakat Perniagaan Daripada Tabung Haji Dan Bank Rakyat
Bernama
Mei 14, 2014**

ALOR SETAR, 14 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan menerima pemberian zakat perniagaan bagi tahun 2013 daripada Bank Rakyat dan Lembaga Tabung Haji (TH) bernilai RM8.93 juta.

Zakat perniagaan itu adalah untuk diserahkan kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ).

Majlis penyerahan zakat yang diadakan di Istana Anak Bukit di sini, dimulakan dengan penyerahan zakat daripada Bank Rakyat yang disampaikan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah bernilai RM5.16 juta.

Daripada jumlah itu, RM3.29 juta akan diberikan kepada PPZ manakala selebihnya kepada JZNK.

Jumlah RM5.16 juta itu merupakan sebahagian daripada zakat perniagaan yang diperuntukkan kepada pusat zakat negeri di seluruh Malaysia yang keseluruhannya berjumlah RM41 juta.

TH pula menyerahkan zakat melalui Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Ismee Ismail sebanyak RM3.77 juta kepada JZNK.

Keseluruhan zakat perniagaan TH untuk tahun 2013 yang dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia sebanyak RM46.29 juta berbanding RM41.21 juta pada tahun 2012.

Pembayaran zakat bagi negeri Kedah pula mencatatkan peningkatan sebanyak sembilan peratus berbanding tahun 2012 iaitu RM3.46 juta dan RM3.3 juta pada 2011.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038118>